

28/01/1999

Kadar kenaikan tol dikurang

KUALA LUMPUR, Rabu - Kenaikan kadar tol Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) dikurangkan 0.66 sen berbanding cadangan asal manakala tol Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) diturunkan 50 sen menjadi RM1.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri (JPM), hari ini.

Mengikut kadar baru itu, tol NSE dinaikkan 0.74 sen bagi kenderaan persendirian, menjadi 11.24 sen sekilometer berbanding 10.5 sen sekilometer sekarang.

Kenaikan itu jauh lebih rendah berbanding cadangan untuk menaikkan kadar tol itu sebanyak 1.4 sen kepada 11.9 sen sekilometer mengikut perjanjian konsesi asal.

Dr Mahathir menegaskan beliau terpaksa campur tangan kerana sudah ada sentimen dan amaran yang sengaja diadakan kononnya kerajaan akan kalah dalam pilihan raya umum tidak lama lagi, jika bayaran tol tidak diturunkan.

Pada sidang akhbar itu, Dr Mahathir turut mengumumkan penangguhan pembinaan semua lebuhraya swasta baru termasuk Lebuhraya Pantai Timur sehingga rakyat menerima dan memahami konsep pembayaran tol.

"Saya dapati kita belum bersedia untuk menerima jalan raya yang berkualiti dan kerajaan memutuskan untuk menangguhkan pembinaan semua lebuhraya baru sehingga rakyat sendiri memerlukan lebuhraya baru dan bersedia untuk membayar tol," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa menaikkan tol NSE kerana tidak mampu membayar pampasan, tetapi kadar tol bagi tiga lebuhraya lain dikekalkan sehingga perbincangan dengan pemegang konsesi berkenaan selesai.

Mengenai penurunan bayaran tol LDP daripada RM1.50 kepada RM1, Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa membayar pampasan RM85 juta setahun kepada syarikat konsesi terbabit.

"Walaupun kita menurunkan kadar, tetapi kerajaan masih menanggung beban yang tinggi dan ini sudah tentu akan disalurkan kepada rakyat," katanya sambil menjelaskan pembayaran pampasan itu akan diambil daripada sumber kewangan untuk tujuan lain.

Mengenai penangguhan pembinaan lebuhraya tol baru, Dr Mahathir berkata ia membabitkan pembinaan lebuhraya swasta di seluruh negara dan di Lembah Klang yang masih belum dimulakan.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri, kerajaan akan terus membina jalan baru berdasarkan kemampuan kewangannya.

Katanya, peningkatan kenderaan yang pesat menyebabkan kos pembinaan lebuhraya bertambah dan jika ia diswastakan, sudah tentu kadar tol yang dikenakan juga tinggi.

"Sebaliknya jika (lebuhraya) dibina lebih awal, kosnya lebih rendah dan dalam jangka panjang, kadar tol itu dianggap murah," katanya.

Perdana Menteri memberi contoh pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban sejauh 40 kilometer dibina pada kos RM42 juta saja pada 1977.

"Ketika kita hendak membesarkan lebuhraya itu baru-baru ini, kos bagi projek itu saja membabitkan lebih dua kali ganda jumlah asal, dan jika lebuhraya itu dibina pada hari ini, kosnya dijangka di antara RM150 dan RM200 juta," katanya. Dr Mahathir berkata, beliau memberi penerangan terperinci mengenai perkara itu kerana rakyat kadang-kala kurang memahami mengapa pembinaan lebuhraya membabitkan perbelanjaan tinggi.

Selain itu, katanya, rakyat juga tidak sedar pembinaan lebuh raya tol berjaya mengurangkan kadar kemalangan di negara ini kerana laluan itu lebih baik dan selamat.

"Kerana lebuh raya berkenaan, jumlah kemalangan berjaya dikurangkan hampir 11 kali ganda ... tetapi mereka masih enggan membayar tol dan cuba mengugut kerajaan," katanya.

(END)